



KENYATAAN MEDIA

**YB TENGKU DATO' SRI ZAFRUL TENGKU ABDUL AZIZ
MENTERI KEWANGAN**

LAPORAN LAKSANA KE-31

**PELAKSANAAN
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI PRIHATIN RAKYAT (PRIHATIN),
PELAN JANA SEMULA EKONOMI NEGARA (PENJANA) &
PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN (KITA PRIHATIN)**

2 Disember 2020

PENGENALAN

1. Diharapkan agar semua rakyat Malaysia sentiasa sihat dan akan terus mematuhi SOP dalam menjalani kehidupan harian, selaras dengan usaha untuk membendung penularan kes COVID-19.
2. **Laporan LAKSANA Ke-31** ini akan didahului dengan ulasan berhubung status pelaksanaan PENJANA dan KITA PRIHATIN, dan disusuli dengan ulasan mengenai isu semasa serta inisiatif tambahan dan penambahbaikan Belanjawan 2021 yang diumumkan di Dewan Rakyat pada 26 November 2020. Manakala status pelaksanaan inisiatif PRIHATIN pula boleh didapati di Lampiran 1.

PENJANA (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara)

3. Di bawah PENJANA, inisiatif telah dikategorikan kepada tiga matlamat utama iaitu:
 - a. Memperkasakan Rakyat;
 - b. Melonjakkan Perniagaan; dan
 - c. Merangsang Ekonomi.

PENJANA MATLAMAT 1: MEMPERKASAKAN RAKYAT

4. **Pertama, Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40)** yang dikawal selia oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Melalui skim ini, penekanan diberikan bagi menampung keperluan kesihatan seperti **pengesanan awal untuk penyakit tidak berjangkit khas buat kumpulan B40**. Mereka yang layak adalah terdiri dari penerima Bantuan Sara Hidup (BSH) dan pasangan berdaftar yang berumur 40 tahun dan ke atas. Di antara tempoh 1 Julai sehingga 20 November 2020, sebanyak **160,208 tuntutan** (peningkatan daripada 153,440 minggu lalu) diterima dengan jumlah **RM15.12 juta** (peningkatan daripada RM13.98 juta minggu lalu).
5. **Kedua, Program Subsidi Upah (PSU)**. Sehingga permohonan ditutup pada 30 Oktober 2020, seramai 322,177 majikan dan 2.64 juta pekerja telah diluluskan untuk memanfaatkan program ini. Manakala ulasan bagi PSU 2.0 pula disertakan di bahagian seterusnya di bawah ulasan pakej KITA PRIHATIN. **Sehingga 20 November 2020, sebanyak RM12.49 bilion dalam bentuk subsidi upah** (peningkatan daripada RM12.38 bilion minggu lalu) telah diluluskan.

Tarikh Laporan	Jumlah Diluluskan* (RM bilion)	Jumlah Pekerja* (juta)	Jumlah Majikan*
20 November	12.492	2.640	322,177
13 November	12.383	2.640	322,177
6 November	12.342	2.640	322,177
30 Oktober	12.255	2.639	322,175
25 September	11.930	2.633	321,633
28 Ogos	10.383	2.620	320,440
31 Julai	8.995	2.582	318,258
26 Jun	7.074	2.455	307,518
29 Mei	4.018	2.197	286,338
24 April	1.606	1.452	207,237

*Jumlah Kumulatif

6. **Ketiga, Program Insentif Pengambilan Pekerja dan Bantuan Latihan**. Secara keseluruhannya, sehingga 20 November 2020, seramai **84,922 pekerja** (peningkatan daripada 78,317 minggu lalu) telah berjaya mendapat pekerjaan melalui program ini. Jumlah ini merangkumi **68,198 orang di bawah umur 40 tahun, 10,874 individu berusia di antara 40 hingga 60 tahun, serta 5,499 perantis dan 351 orang kelainan upaya (OKU)**.

Tarikh Setakat	Kategori Rakyat yang Mendapat Perkerjaan				Jumlah*
	< 40 tahun	40 – 60 tahun	Perantis	OKU	
20 November	68,198	10,874	5,499	351	84,922
13 November	62,860	9,963	5,150	344	78,317
6 November	59,539	9,370	4,896	336	74,141
30 Oktober	56,315	8,743	4,724	331	70,113
25 September	34,476	5,456	3,782	284	43,998
28 Ogos	18,354	3,266	2,818	178	24,616
21 Ogos	15,113	2,856	2,385	220	20,574

*Jumlah Kumulatif

7. **Keempat, Program Kemahiran dan Peningkatan Kemahiran.** Sehingga 20 November 2020, seramai **124,526 individu telah diluluskan** (peningkatan daripada 118,715 minggu lalu) untuk mengambil bahagian dalam program-program yang disediakan. Menurut data yang diperolehi, antara kursus-kursus yang mendapat permintaan yang tinggi adalah seperti berikut:

Bil.	Kementerian/Agensi	Program / Skim / Inisiatif
1.	Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)	<i>SME Development</i>
		<i>Industrial Revolution 4.0 (IREV4.0)</i>
		<i>Place & Train</i>
		<i>Gerak Insan Gemilang (GIG)</i>
		<i>B40 Development</i>
2.	Kementerian Pembangunan, Usahawan dan Koperasi (MEDAC)	<i>INSKEN Business Training</i>
		<i>Program Micro Connector</i>
3.	Majlis Amanah Rakyat (MARA)	<i>Modul Khas Penjagaan Kesihatan dan Keselamatan Kebiasaan Baharu</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging E-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Training e-Commerce Platform</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Competencies / Short Courses Program</i>
		<i>Building Capabilities and Providing Jobs Through Industry Boot Camp</i>
		<i>Building Internal Entrepreneur Capabilities by Engaging e-Commerce Bespoke Program (e-entrepreneur) -Bespoke</i>
4.	East Coast Economic Region Development Council	<i>ETEP Enhanced Train& Place (PENJANA)</i>

5.	Northern Corridor Implementation Authority	JomNiaga@NCER
		JomKerja@NCER
6.	Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia (MOTAC)	Pembangunan Kemahiran Komuniti
7.	Kementerian Pengajian Tinggi (KPT)	Program Gig Economy
		Program Keusahawanan

PENJANA MATLAMAT 2: MELONJAKKAN PERNIAGAAN

8. **Pertama, Pembiayaan PKS PENJANA bagi terus membantu Perusahaan Kecil Sederhana (PKS).** Kerajaan telah memperuntukkan dana berjumlah RM2 bilion dan memberi keutamaan kepada PKS yang belum pernah mendapat pinjaman daripada bank sebelum ini. Sehingga 20 November 2020, sebanyak **5,104 permohonan** (peningkatan daripada 4,937 minggu lalu) **telah diluluskan dengan nilai pinjaman sebanyak RM1.056 bilion** (peningkatan daripada RM1.033 bilion).

Tarikh Setakat	Permohonan Diluluskan*	Jumlah Nilai Pinjaman* (RM juta)
20 November	5,104	1,056.8
13 November	4,937	1,033.6
6 November	4,727	996.9
30 Oktober	4,488	965.5
25 September	3,351	795.3
28 Ogos	1,615	426.2
21 Ogos	1,172	329.5

*Jumlah Kumulatif

9. **Kedua, Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM1 bilion**. Inisiatif ini bertujuan untuk menyokong perusahaan mikro, kecil dan sederhana tempatan dalam sektor pelancongan yang terkesan dengan COVID-19. Kadar pembiayaan sebanyak 3.5% ini dapat membantu usahawan sektor pelancongan dari segi modal kerja dan perbelanjaan modal sehingga 7 tahun bagi tempoh pembiayaan. Setakat 20 November 2020, terdapat **492 PKS** (peningkatan daripada 478 minggu lalu) yang **telah menyerahkan permohonan mereka**, dan daripada jumlah ini sebanyak **217 permohonan** (peningkatan daripada 208 minggu lalu) **telah diluluskan** dengan jumlah pembiayaan sebanyak **RM43.7 juta** (peningkatan daripada RM41.8 juta minggu lalu).

10. **Ketiga, Skim Pemulihan Perniagaan TEKUN atau *TEKUN Business Recovery Scheme (TBR)*** khas untuk PKS Mikro. Sehingga 20 November 2020, sebanyak **RM90.6 juta** (peningkatan daripada RM86.7 juta) telah disalurkan di bawah TBR dan memanfaatkan **13,675 PKS Mikro** (peningkatan daripada 13,042 minggu lalu).

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
20 November	13,675	90.6
13 November	13,042	86.7
6 November	12,403	82.6
30 Oktober	11,972	79.7
25 September	11,383	75.5
28 Ogos	6,908	47.7
31 Julai	909	6.8

*Jumlah Kumulatif

11. **Keempat adalah Pembiayaan Mikro Kredit PENJANA di bawah Bank Simpanan Nasional (BSN).** Sehingga 20 November 2020, sebanyak **RM211.3 juta** (peningkatan daripada RM197.7 juta minggu lalu) telah disalurkan bagi memanfaatkan **5,986 PKS Mikro** (peningkatan daripada 5,570 minggu lalu) merangkumi bidang peruncitan dan perkhidmatan.

Tarikh Setakat	PKS Mikro*	Jumlah Disalurkan* (RM juta)
20 November	5,986	211.3
13 November	5,570	197.7
6 November	5,181	184.6
30 Oktober	4,674	167.4
25 September	2,007	73.7
28 Ogos	399	15.2

*Jumlah Kumulatif

PENJANA MATLAMAT 3: MERANGSANG EKONOMI

12. **Pertama, sokongan bagi Industri Pertanian dan Makanan.** Inisiatif ini diperkenalkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi dalam sektor pertanian dan makanan melalui **suntikan pembiayaan di samping menyediakan modal pusingan untuk petani, peladang dan nelayan.** Daripada jumlah **peruntukan sebanyak RM400 juta, RM350 juta** merupakan peruntukan di bawah **Skim Pembiayaan Mikrokredit Agrobank.** Sehingga 20 November 2020, sebanyak **RM49.0 juta** (peningkatan daripada RM45.2 juta minggu lalu) telah disalurkan di bawah skim ini bagi memanfaatkan **5,243 PKS Mikro pertanian** (peningkatan daripada 4,953 minggu lalu).
13. **Kedua, pengecualian cukai perkhidmatan bagi hotel** untuk menyokong sektor pelancongan. Sebagai langkah Kerajaan dalam memastikan sektor pelancongan dan perhotelan dapat bertahan dan kembali pulih seperti sediakala, Kerajaan telah bersetuju memberikan lanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan yang dikendalikan oleh pengendali premis penginapan mulai **1 September 2020 hingga 30 Jun 2021.** Setakat 20 November 2020, nilai pengecualian cukai yang telah dimanfaatkan oleh pengendali premis penginapan telah mencecah **nilai RM727.4 juta.** Antara inisiatif lain bagi menyokong sektor pelancongan merangkumi pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 ke atas perbelanjaan melancong serta pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya. Kedua-dua inisiatif telah bermula dan akan tamat pada 31 Jun 2021.
14. **Ketiga, pengecualian 100% duti eksport kepada sektor komoditi.** Bagi merangsang pertumbuhan sektor komoditi dan nilai eksport negara, Kerajaan turut memperkenalkan pengecualian duti eksport sehingga 100% ke atas industri berasaskan minyak sawit. Antara manfaat daripada langkah cukai ini secara langsung akan dapat membantu memudahkan para pekebun kecil untuk menjual hasil keluaran mereka kepada kilang-kilang. Setakat 20 November 2020, nilai pengecualian duti eksport yang berjaya dimanfaatkan oleh industri negara ialah sebanyak **RM325.2 juta** (peningkatan daripada RM301.1 juta minggu lalu).

PAKEJ RANGSANGAN EKONOMI KITA PRIHATIN

15. **Pertama, Bantuan Prihatin Nasional 2.0 (BPN 2.0)** berjumlah RM7 bilion yang bertujuan meringankan beban 7.5 juta penerima B40 serta 3.1 juta penerima M40 melalui pemberian bantuan tunai secara *one-off*. Setakat ini, pembayaran Fasa Pertama sejumlah RM4.5 bilion telah berjaya disalurkan kepada lebih 9.86 juta penerima, merangkumi 7 juta penerima daripada kategori B40 dan 2.86 juta penerima daripada kategori M40.
16. Bagi penerima BPN 2.0 yang tidak mempunyai akaun bank, penunaian telah mula disediakan di cawangan Bank Simpanan Nasional mulai 26 Oktober 2020. Tempoh permohonan baharu serta rayuan BPN 2.0 pula telah berakhir pada 15 November 2020. Sehubungan itu, pembayaran Fasa Kedua beserta bayaran kepada permohonan baru dan rayuan yang lulus akan dibuat dalam bulan Januari 2021.
17. **Kedua, bagi Geran Khas PRIHATIN (GKP) 2.0** pula, pemohon boleh menyemak status permohonan dari tarikh **27 November 2020**, manakala pembayaran dijangka bermula pada 30 November 2020. Sebanyak 304,000 PKS Mikro layak bakal menerima bantuan *one-off* berjumlah RM3,000 dengan **bayaran keseluruhan sebanyak RM912 juta**. Secara keseluruhannya, hampir 850,000 PKS mikro telah menerima GKP dan GKP 2.0 dengan jumlah keseluruhan RM2.55 bilion. Bagi mereka yang gagal permohonan, tempoh rayuan GKP 2.0 akan dibuka dari 7 hingga 21 Disember 2020. Rayuan boleh dibuat secara dalam talian di <https://gkp.hasil.gov.my>.
18. **Ketiga, Program Subsidi Upah 2.0 (PSU 2.0)** yang telah bermula sejak Oktober 2020. Setakat 20 November 2020, sebanyak RM164.26 juta (peningkatan daripada RM148.22 juta minggu lalu) telah dibelanjakan bagi membantu sebanyak 34,479 majikan (peningkatan daripada 30,492 minggu lalu) untuk terus beroperasi dan mengekalkan seramai 273,767 pekerja (peningkatan daripada 247,035 minggu lalu). Diingatkan bahawa permohonan baru bagi PSU 2.0 masih dibuka kepada majikan sehingga 31 Disember 2020.

ULASAN ISU SEMASA: PENAMBAHBAIKAN BELANJAWAN 2021

19. Kelulusan peringkat dasar Belanjawan 2021 di Parlimen pada 26 November 2020 sekaligus membuktikan bahawa **Kerajaan telah mendengar suara Rakyat dan ahli Parlimen dalam merangka Belanjawan yang mengutamakan Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi**. Ia juga merupakan sebuah langkah ke arah kestabilan politik negara, dan sejurus memberikan keyakinan kepada para pelabur dan perniagaan.

20. Antaranya, Kerajaan mengambil maklum keperluan untuk meningkatkan bantuan bagi barisan hadapan termasuk **perluasan bantuan khas one-off RM300 kepada semua barisan hadapan di bawah Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA)**, sebagai kesinambungan kepada bantuan RM500 bagi barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang diumumkan di dalam Belanjawan.
21. Terdapat pelbagai lagi bantuan lain yang diperkenalkan dan ditambahbaik, seperti:
- a. **program eBelia** yang dipanjangkan kepada mahasiswa IPTA dan IPTS dan digandakan kepada RM100 untuk 2 juta penerima;
 - b. **lanjutan bantuan one-off RM500 kepada 40,000 bekas polis** yang menjadikan keseluruhannya 80,000 penerima;
 - c. **penyaluran RM50 juta kepada negeri Sabah bagi membendung wabak COVID-19**;
 - d. **RM80 juta untuk Tabung Bencana Pertanian**;
 - e. **peningkatan Elaun Sara Hidup untuk 3,400 nelayan darat** kepada RM300 daripada RM250;
 - f. **Bantuan Musim Tengkujuh** sebanyak RM300 sebulan untuk 3 bulan kepada pekebun kecil getah;
 - g. **lanjutan potongan cukai bagi pemilik premis bagi pengurangan kadar sewa premis kepada PKS**; dan
 - h. **kajian semula kadar elaun perumahan wilayah** bagi penjawat awam.
22. Saya berharap pengumuman dan komitmen tambahan ini mampu merealisasikan Belanjawan 2021 sebagai **Belanjawan untuk Rakyat**. Sememangnya, ini semua adalah cadangan daripada Rakyat dan ahli-ahli Parlimen sendiri daripada pelbagai latarbelakang politik, yang telah **disahut oleh Kerajaan sebagai komitmen usaha melindungi Rakyat, melonjakkan semula perniagaan dan menjamin ketahanan ekonomi negara**.
23. Memang terdapat sedikit kekangan dalam melaksanakan kesemua cadangan yang dibangkitkan, seiring dengan peranan dan tanggungjawab Kerajaan, iaitu untuk **mengimbangi kepentingan-kepentingan jangka masa pendek dan panjang**. Ini termasuk memastikan bantuan sampai kepada mereka yang benar-benar memerlukannya, tanpa melupakan tanggungjawab amalan disiplin fiskal yang baik bagi kemampanan ekonomi negara bagi jangka masa panjang. Namun, apabila berbangkitnya pertembungan antara kepentingan-kepentingan ini, **Kerajaan tidak akan berkompromi dalam mengutamakan kebajikan rakyat**.

24. Kerajaan juga peka **dalam keperluan memastikan kestabilan polisi Kerajaan, bagi menjamin kesejahteraan Rakyat yang bergantung kepada bantuan Kerajaan, serta kestabilan ekonomi, kewangan dan pasaran negara**; daripada mereka yang sangat mengharapkan agar bantuan langsung tidak terjejas pada waktu ketidaktentuan COVID-19 ini, hinggalah kepada mereka yang bergantung kepada kestabilan polisi Kerajaan bagi menjamin kelangsungan perniagaan, pelaburan mereka, kerjaya dan sekaligus kesejahteraan keluarga dan tanggungan mereka.
25. Pendek kata, Kerajaan peka dan prihatin akan **perlunya sentiasa mendengar suara Rakyat, dan perlunya menjamin kestabilan ekonomi** bagi memastikan kita dapat membina ketahanan dan melangkah ke hadapan dalam menghadapi COVID-19 dan cabaran semasa.

PENUTUP

26. Terima kasih diucapkan kepada Ahli Parlimen yang telah memberi kerjasama dan menyokong Belanjawan 2021 ini di peringkat dasar. Selepas kelulusan ini, Belanjawan 2021 kini dibahaskan di peringkat jawatankuasa dan akan dibentangkan untuk bacaan kali ketiga pada 15 Disember 2020. Sama-samalah kita mendoakan agar urusan ini dipermudahkan demi mencapai kesejahteraan bersama dan memulihkan ekonomi negara.
27. Peringatan juga kepada semua agar tidak lalai dalam mengamalkan SOP dalam menjalani kehidupan seharian dan aktiviti pekerjaan serta perniagaan. Kejayaan kita memulihkan ekonomi negara sebahagiannya bergantung kepada kejayaan negara membendung wabak COVID-19. InsyaAllah, **Teguh Kita, Menang Bersama.**

YB Tengku Dato' Sri Zafrul Tengku Abdul Aziz
Menteri Kewangan
Kementerian Kewangan Malaysia
2 Disember 2020

LAMPIRAN 1 - PENCAPAIAN PAKEJ PRIHATIN

MATLAMAT 1: LINDUNGI RAKYAT		
1.	Skim pengeluaran i-Lestari di bawah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)	Sehingga 20 November 2020, jumlah pengeluaran kumulatif adalah sebanyak RM12.73 bilion (peningkatan daripada RM12.66 bilion minggu lalu) dan melibatkan 4.78 juta penerima (peningkatan daripada 4.76 juta minggu lalu). Perancangan persaraan adalah penting dan orang ramai disyorkan untuk menggunakan Khidmat Nasihat Persaraan (Retirement Advisory Service - RAS) yang disediakan oleh pihak KWSP secara percuma untuk tujuan ini. Maklumat mengenai perkhidmatan percuma ini boleh didapati di pautan berikut: https://www.kwsp.gov.my/ms/member/retirement-advisory-service
2.	Elaun Khas Barisan Hadapan (Frontliners Allowance)	a. Sehingga 20 November 2020, sebanyak RM366.78 juta (peningkatan daripada RM365.89 juta minggu lalu) telah disalurkan berdasarkan 1,125,524 tuntutan (peningkatan daripada 1,120,762 minggu lalu) yang terdiri daripada doktor, jururawat dan kakitangan perubatan lain yang terlibat secara langsung dalam pengurusan dan pembendungan wabak COVID-19. b. Elaun khas ini juga dipanjangkan kepada anggota tentera, polis, kastam, imigresen, bomba, anggota Angkatan Pertahanan Awam serta anggota RELA yang terlibat secara langsung dalam melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

MATLAMAT 2: SOKONG PERNIAGAAN																																			
3.	Skim Kredit Mikro TEKUN	Setakat 20 November 2020, pembayaran telah dibuat kepada 26,241 PKS (peningkatan daripada 26,238 penerima minggu lalu) melibatkan jumlah sebanyak RM199.46 juta (peningkatan daripada RM199.42 juta minggu lalu).																																	
4.	Dana Pinjaman Mudah Perusahaan Kecil Sederhana (PKS) (SME Soft Loans Funds) yang dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia (BNM)	Setakat 20 November 2020, jumlah permohonan yang telah diluluskan oleh bank-bank tempatan dan disetuju terima oleh PKS adalah RM11.10 bilion (peningkatan daripada RM11.07 bilion minggu lalu) yang akan memberi manfaat kepada 23,637 PKS (peningkatan daripada 23,586 PKS minggu lalu). Jumlah ini termasuk dana <i>Special Relief Facility</i> (SRF), <i>Automation & Digitalisation Facility</i> (ADF), <i>All-Economic Sector Facility</i> (AES) dan <i>Agrofood Facility</i> (AF). <table border="1"> <thead> <tr> <th>Dana Pinjaman Mudah PKS</th><th>Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)</th><th>Jumlah PKS*</th></tr> </thead> <tbody> <tr> <td>20 November</td><td>11.10</td><td>23,637</td></tr> <tr> <td>13 November</td><td>11.07</td><td>23,586</td></tr> <tr> <td>6 November</td><td>11.02</td><td>23,560</td></tr> <tr> <td>30 Oktober</td><td>10.87</td><td>23,305</td></tr> <tr> <td>25 September</td><td>10.67</td><td>22,984</td></tr> <tr> <td>28 Ogos</td><td>10.3</td><td>22,440</td></tr> <tr> <td>Julai</td><td>9.6</td><td>21,410</td></tr> <tr> <td>Jun</td><td>8.4</td><td>19,539</td></tr> <tr> <td>Mei</td><td>6.9</td><td>16,833</td></tr> <tr> <td>April</td><td>1.5</td><td>3,636</td></tr> </tbody> </table> <i>*Jumlah Kumulatif</i> Walaupun dana SRF telah dimanfaatkan sepenuhnya, PKS masih boleh memohon skim pembiayaan yang masih tersedia melalui Tabung BNM seperti ADF, AES dan AF. PKS juga boleh mendapatkan pembiayaan lain melalui platform imSME di pautan https://imsme.com.my/portal/bm/ yang boleh membantu dalam membuat padanan pembiayaan yang diperlukan dengan pelbagai penyedia dana untuk PKS.	Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*	20 November	11.10	23,637	13 November	11.07	23,586	6 November	11.02	23,560	30 Oktober	10.87	23,305	25 September	10.67	22,984	28 Ogos	10.3	22,440	Julai	9.6	21,410	Jun	8.4	19,539	Mei	6.9	16,833	April	1.5	3,636
Dana Pinjaman Mudah PKS	Jumlah diluluskan dan disetuju terima* (RM bilion)	Jumlah PKS*																																	
20 November	11.10	23,637																																	
13 November	11.07	23,586																																	
6 November	11.02	23,560																																	
30 Oktober	10.87	23,305																																	
25 September	10.67	22,984																																	
28 Ogos	10.3	22,440																																	
Julai	9.6	21,410																																	
Jun	8.4	19,539																																	
Mei	6.9	16,833																																	
April	1.5	3,636																																	